

SILAT JEMPUTAN BRUNEI

Peluang Malaysia uji keupayaan

Harian (M)

Oleh MOHD RAHIME YUSOF 30 DEC 1988

MALAYSIA akan menyenaraikan lima belas pesilat utama menghadapi Kejohanan Jemputan Brunei pada Februari ini, sebagai pendahalan awal sebelum turun ke gelanggang Sukan SEA '89 di Kuala Lumpur nanti.

Sepuluh pesilat lelaki dan lima wanita akan dipilih berdasarkan latihan pusat peringkat kelima di Kota Bharu, seminggu sebelum berlepas ke Seri Begawan.

Pengurus silat kebangsaan, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata kejohanan di Brunei nanti akan dijadikan kayu pengukur bagi membentuk skuad terbaik menghadapi Sukan SEA.

Kejohanan sempena Hari Kemerdekaan Brunei itu dijangka disertai oleh 18 negara termasuk Amerika, Kanada, Australia dan Eropah. Di Kejohanan Jemputan Sedunia, di Singapura pada Ogos lalu, Malaysia mengutip tiga pingat emas, tiga perak dan enam gangsa sekalipun menurunkan barisan kedua.

Beliau percaya pesilat negara mampu merangkul lebih banyak pingat emas berdasarkan kesungguhan ditunjukkan oleh semua pesilat

dalam latihan pusat peringkat ketiga dan keempat di Kompleks Sukan Kampung Pandan sejak 10 Disember lalu.

Latihan pusat selama 20 hari bawah bimbingan ketua jurulatih kebangsaan, Sani Morni dan lima jurulatih Pusat Cemerlang MSN itu berakhir hari ini.

Beliau turut mengarahkan semua pesilat kebangsaan agar mengekalkan kekuatan fizikal selain mempraktikkan teknik dan taktik yang didedahkan dalam latihan pusat selama dua minggu itu.

Haji Shafie berkata, tidak semesti juara kebangsaan lalu secara langsung terpilih ke Brunei. Ia bergantung kepada persembahan terbaik mereka dalam latihan peringkat kelima nanti.

Sementara itu, Majlis Silat Negeri Melaka (MSNM) akan mengadakan mesyuarat mereka tidak lama lagi bagi membincangkan tarikh Kejohanan Silat Kebangsaan yang akan diadakan di negeri itu.

Setiausaha MSNM, Salim Kasim, berkata kemungkinan ia diadakan sebelum Sukan SEA '89 bagi membolehkan pesilat kebangsaan menguji kewibawaan mereka.

Tetapi katanya, segala cadangan itu akan dikemukakan kepada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) untuk diluluskan.